



**Terma dan Syarat Khusus untuk  
Akaun Penyimpanan TRUE/Akaun Penyimpanan-i TRUE  
(TRUE SA/TRUE SA-i)  
(Tarikh Kuat Kuasa: 1 Julai 2024)**



**Peringatan:** Terma dan Syarat Khusus berikut hendaklah terpakai secara khusus untuk Akaun Penyimpanan TRUE/Akaun Penyimpanan-i TRUE (TRUE SA/TRUE SA-i) yang dibuka dan diselenggara dengan AmBank (M) Berhad atau AmBank Islamic Berhad. Semua Pemegang TRUE SA/TRUE SA-i diingatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat Khusus ini bersama-sama dengan Terma dan Syarat Umum bagi Akaun dan Perkhidmatan yang boleh didapati di [www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions](http://www.ambank.com.my/eng/terms-and-conditions). Jika Pemegang TRUE SA/TRUE SA-i tidak memahami mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan disini, Pemegang TRUE SA/TRUE SA-i dinasihatkan untuk berbincang dengan kakitangan Bank atau wakil Bank yang sah.

## 1 Definisi

1.1 Untuk tujuan terma dan syarat ini, perkataan dan ungkapan berikut hendaklah mempunyai makna yang ditentukan baginya, melainkan sekiranya konteks memerlukan sebaliknya:

“**Kumpulan AmBank**” merujuk kepada semua Syarikat dan Syarikat Bersekutu yang berkaitan dengan Bank sama ada diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia, sudah wujud pada masa ini atau pada masa akan datang dan rujukan terhadap “Kumpulan AmBank” dalam terma dan syarat ini akan merangkumi semua atau mana-mana entiti dalam Kumpulan AmBank.

“**AmOnline**” merujuk kepada perkhidmatan perbankan internet yang ditawarkan oleh Kumpulan AmBank kepada pelanggannya untuk melakukan transaksi perbankan melalui Internet selaras dengan terma dan syarat yang ditetapkan di [ambank.amonline.com.my](http://ambank.amonline.com.my).

“**Bank**” merujuk kepada AmBank (M) Berhad (‘AmBank’) [No. Syarikat: 196901000166 (8515-D)] dan AmBank Islamic Berhad (‘AmBank Islamic’) [No. Syarikat: 199401009897 (295576-U)], syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 (dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016) dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

“**Pemegang Akaun Penyimpanan TRUE**” merujuk kepada orang yang telah membuka dan menyelenggara TRUE SA/TRUE SA-i dengan Bank.

“**Kadar Asas**” merujuk kepada kadar asas seperti yang ditetapkan dalam Klausula 3.1 di bawah ini.

“**Kadar Bonus**” merujuk kepada kadar bonus seperti yang ditetapkan dalam Jadual 1 Klausula 3.2 di bawah ini.

“**Pembayaran DuitNow QR kepada Pedagang (P2M)**” merujuk kepada kredit pembayaran oleh Pelanggan ke dalam Akaun Saudagar menggunakan DuitNow QR. Pelanggan membuat pembayaran dengan mengimbas Kod QR Saudagar menggunakan AmOnline.

“**Amaun Deposit**” bermaksud amaun deposit yang Pelanggan Akaun Penyimpanan TRUE perlu simpan di dalam TRUE SA/TRUE SA-i mereka yang mengambil bahagian untuk layak mendapatkan Kadar Bonus.

“**Deposit Minimum**” bermaksud amaun deposit minimum Pelanggan Akaun hendak depositkan dalam TRUE SA/TRUE SA-i (seperti dinyatakan dalam Jadual 1, Klausula 3.2) untuk mendapatkan Kadar Bonus.

“**Baki Purata Bulanan (BPB)**” ialah sebagai jumlah baki penutup harian deposit dalam TRUE SA/TRUE SA-i Pelanggan Akaun, dibahagikan dengan bilangan hari dalam bulan yang sama.

“**Perbankan Runcit**” merujuk kepada perbankan konsumer untuk pelanggan individu.

“**Pelanggan Runcit Individu**” merujuk kepada pelanggan individu Bank daripada Perbankan Runcit.



**Terma dan Syarat Khusus untuk  
Akaun Penyimpanan TRUE/Akaun Penyimpanan-i TRUE  
(TRUE SA/TRUE SA-i)  
(Tarikh Kuat Kuasa: 1 Julai 2024)**



“**UA/ UA Patuh Syariah yang Terpilih**” merujuk kepada plaburan seperti yang ditetapkan dalam Klausula 3.5 (C) Pengurusan Kekayaan Melabur Jadual 3.

“**Polisi Insurans/ Sijil Takaful yang terpilih**” merujuk kepada plaburan seperti yang ditetapkan dalam Klausula 3.5 (C) Pengurusan Kekayaan Insurans/Takaful (a).

- 1.2 Istilah “Perbadanan Bersekutu” mempunyai maksud yang sama seperti yang diperuntukkan terhadapnya di bawah Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, yang mana berkenaan. Istilah “Syarikat Yang Berkaitan” mempunyai maksud yang sama seperti yang diperuntukkan terhadapnya di bawah Seksyen 7 Akta Syarikat 2016.
- 1.3 Perkataan yang menggambarkan individu adalah merangkumi mereka yang masih hidup, dan sekiranya dan di mana berkenaan, pertubuhan atau mereka yang diperbadankan atau tidak diperbadankan. Perkataan yang memberi maksud tunggal akan juga merangkumi maksud majmuk dan sebaliknya. Perkataan yang membawa maksud jantina lelaki akan merangkumi jantina perempuan dan jantina neuter.

## **2 Kelayakan**

2.1 TRUE SA/TRUE SA-i terbuka kepada semua Pelanggan Runcit yang baru dan sedia ada yang memenuhi semua kriteria berikut yang disenaraikan di bawah ini, yang disebut sebagai “**Pelanggan Akaun Penyimpanan TRUE**”:-

- a) Warganegara Malaysia dan bukan warganegara Malaysia berumur lapan belas (18) tahun ke atas.
- b) Deposit permulaan minimum untuk membuka Akaun ialah Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20).
- c) Pemegang Akaun Utama TRUE SA/TRUE SA-i; dan
- d) Daftar sebagai pengguna AmOnline,
- e) memegang sekurang-kurangnya satu (1) Kad Debit AmBank

2.2 Pekerja Kumpulan AmBank akan layak untuk **Kadar Asas TRUE SA/TRUE SA-i SAHAJA**.

## **3 Mekanisme Produk**

### **Kadar Asas TRUE SA/TRUE SA-i**

3.1 Pemegang Akaun Penyimpanan TRUE akan memperolehi Kadar Asas, yang dikira berdasarkan baki akaun harian. Kadar Asas yang diperolehi akan dikreditkan ke Pemegang Akaun Penyimpanan TRUE pada hari terakhir setiap bulan.

<b>Baki Akaun (RM)</b>	<b>Kadar Asas (setahun)</b>
Semua Baki	0.15%

### **Kadar Bonus**

3.2 Tertakluk pada yang memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam Klausula 3.5 dan terma dan syarat di sini, Pemegang Akaun Penyimpanan TRUE berhak untuk menerima Kadar Bonus yang sesuai yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah.



**Terma dan Syarat Khusus untuk  
Akaun Penyimpan TRUE/Akaun Penyimpan-i TRUE  
(TRUE SA/TRUE SA-i)  
(Tarikh Kuat Kuasa: 1 Julai 2024)**



**Jadual 1**

Kategori	Ringkasan Kriteria untuk Kadar Bonus Keperluan	Kadar Bonus (setahun)	Prasyarat	Bulan dikreditkan Kadar Bonus	BPB untuk menikmati Kadar Bonus
<b>(A) Deposit</b>	Deposit sekurang-kurangnya RM3,000 dalam satu transaksi tunggal setiap bulan ke TRUE SA/TRUE SA-i.	1.30% setahun			
<b>(B) Belanja<sup>1</sup> / Bayar</b>	<p>Melakukan minimum 3 transaksi (terpakai untuk pembayaran bil/Transaksi Runcit/e-Tunai tambah nilai sahaja) melalui AmOnline / Kad Debit AmBank / Kad Kredit AmBank/ Kad Kredit-i AmBank Islamic/ Pembayaran DuitNow QR kepada Pedagang (P2M).</p> <p><i>Catatan<sup>1</sup>: Minimum amaun kumulatif perbelanjaan sebanyak RM1,000 setiap bulan.</i></p> <p><b>ATAU</b></p> <p>Melakukan pembayaran bulanan (dengan sebarang jumlah) pinjaman/pembiayaan<sup>1</sup> rumah daripada TRUE SA/TRUE SA-i kepada akaun pinjaman/pembiayaan rumah AmBank/AmBank Islamic.</p>	0.80% setahun	Pemegang Akaun Penyimpan TRUE mesti memenuhi kriteria dalam Kategori “(A) Deposit” untuk menikmati Kadar Bonus dalam Kategori “(B) Belanja/Bayar” dan “(C) Pelaburan atau Insurans/Takaful”.	<p>Kadar Bonus akan dikreditkan setiap bulan kepada Pemegang Akaun TRUE SA/TRUE SA-i dalam masa lima (5) minggu pada setiap transaksi terakhir bulan semasa.</p> <p>Contoh: Jika deposit dibuat pada bulan September, Kadar Bonus akan dibayar dalam masa lima (5) minggu bermula dari 30 September mengikut BPB September.</p>	RM100,000

<sup>1 1</sup> Terminologi konvensional terpakai untuk produk AmBank, manakala terminologi Islamik terpakai untuk produk AmBank Islamic.



**Terma dan Syarat Khusus untuk  
Akaun Penyimpanan TRUE/Akaun Penyimpanan-i TRUE  
(TRUE SA/TRUE SA-i)  
(Tarikh Kuat Kuasa: 1 Julai 2024)**



<b>(C) Pelaburan atau Insurans/ Takaful</b>	Membeli UA/UA Patuh Syariah("UA") yang terpilih dengan minimum RM5,000 pelaburan, <b>ATAU</b>  Membeli Polisi Insurans/ Sijil Takaful* yang terpilih dengan nilai minimum premium/sumbangan tahunan RM2,400.	2.00% setahun		Kadar Bonus akan dikreditkan kepada Pemegang Akaun Penyimpanan TRUE dalam masa lima (5) minggu dari permulaan SETIAP UA/UA Patuh Syariah pelaburan yang dipilih atau insurans/Takaful yang didaftarkan semasa bulan penyertaan.  Contoh: Jika UA/UA Patuh Syariah pelaburan yang dipilih/ pembelian Insurans/Takaful dilangsaikan pada 15 September (selepas tempoh bertenang), Kadar Bonus akan dibayar dalam masa lima (5) minggu dari permulaan pada 15 September mengikut BPB September.	RM 30,000
	Membeli Unit Amanah/Unit Amanah Patuh Syariah("UA") yang terpilih dengan minimum RM10,000 pelaburan, <b>ATAU</b>  Membeli Polisi Insurans/ Sijil Takaful* yang terpilih dengan nilai minimum premium/sumbangan tahunan RM3,600.	4.00% setahun			

3.3 Kadar Bonus untuk Kategori (A) dan Kategori (B) akan dikira berdasarkan BPB Akaun Penyimpanan TRUE secara bulanan. Pembatasan BPB Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu (RM100,000) akan dikenakan untuk pengiraan Kadar Bonus untuk Kategori A & B dan Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000) akan dikenakan untuk pengiraan Kadar Bonus untuk Kategori (C).

3.4 Sekiranya Pemegang Akaun Penyimpanan TRUE memegang dua (2) atau lebih Akaun Penyimpanan TRUE, Kadar Bonus akan diberikan kepada Akaun Penyimpanan TRUE yang mengekalkan baki tertinggi pada bulan tersebut.

### 3.5 Kriteria untuk Keperluan Kadar Bonus

#### A. Deposit

Pemegang Akaun layak mendapat 1.30% setahun Kadar Bonus sekiranya telah meletakkan deposit minimum sebanyak Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000) dalam transaksi tunggal ke dalam Akaun Sertaan. Deposit yang dibuat di bawah produk ini dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia sehingga RM250,000 untuk setiap pendeposit.



**Terma dan Syarat Khusus untuk  
Akaun Penyimpan TRUE/Akaun Penyimpan-i TRUE  
(TRUE SA/TRUE SA-i)  
(Tarikh Kuat Kuasa: 1 Julai 2024)**



**B. Belanja/Bayar**

- a) Pemegang Akaun Penyimpan TRUE mendapat 0.80% setahun Kadar Bonus dengan syarat:-
- Melakukan minimum tiga (3) transaksi (terpakai untuk pembayaran bil (Pengebil yang disenaraikan dalam laman sesawang AmOnline Bill Payment atau Pengebil JomPay), semua transaksi runcit (Saudagar/pengebil berdaftar FPX Direct Debit) untuk pembelian barang atau perkhidmatan (tempatan dan antarabangsa) dan e-Tunai tambah nilai sahaja melalui AmOnline/ AmBank Kad Debit/ AmBank Kad Kredit/ AmBank Islamic Kad Kredit-i/ Pembayaran DuitNow QR kepada Pedagang (P2M) dan memenuhi syarat perbelanjaan kumulatif Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000) setiap bulan kalendar. Pedagang e-Tunai yang layak di bawah kategori ini adalah seperti di bawah; ATAU

No.	Pedagang e-Tunai
1	Grab
2	Foodpanda
3	Touch 'n Go
4	Boost
5	Big Pay
6	Lazada
7	Shopee
8	Zalora
9	Fave

- Melakukan pembayaran bulanan (dengan sebarang jumlah) pinjaman/pembiayaan rumah daripada TRUE SA/TRUE SA-i kepada akaun pinjaman/pembiayaan rumah AmBank/AmBank Islamic.
- b) Untuk mengelakkan keraguan, dalam menentukan sama ada perbelanjaan minimum kumulatif telah dipenuhi untuk bulan yang bersangkutan, jumlah perbelanjaan akan dikira berdasarkan tarikh pengeposan transaksi yang berkaitan pada bulan tersebut.
- c) Jumlah perbelanjaan akan dikira, dengan tempoh tangguh lima (5) hari kalendar untuk transaksi yang akan diposkan. Bank tidak bertanggungjawab dengan cara apa pun untuk pengeposan lewat dari jumlah perbelanjaan ke akaun Pemegang Akaun Penyimpan TRUE sama ada oleh pegadang dan / atau pihak ketiga.
- a) Untuk mengelakkan sebarang keraguan, tiada Kadar Bonus diberikan bagi transaksi berikut:
- Pendahuluan Tunai
  - Pemindahan Bonus
  - Pelan pembayaran ansuran bulanan yang mudah
  - Pemindahan dana ke akaun deposit bank lain
  - Pembayaran ke pinjaman/ pembiayaan atau kredit fasiliti atau akaun deposit
  - Sebarang caj AmBank kad kredit/ AmBank Islamic kad kredit-i atau AmBank kad debit (termasuk yuran tahunan, caj faedah/keuntungan, caj pentadbiran, caj pendahuluan tunai)
  - Sebarang caj jumlah pada AmBank kad kredit/ AmBank Islamic kad kredit-i dalam kalendar bulanan untuk transaksi yang dibatalkan, atau diterbalikkan.
  - Baki pembayaran hutang pada AmBank kad kredit/ AmBank Islamic kad kredit-i dari bulan sebelum atau bulan-bulan yang lepas.
  - Pengimbasan QR Duitnow untuk memindah dana ke akaun individu.



**Terma dan Syarat Khusus untuk  
Akaun Penyimpanan TRUE/Akaun Penyimpanan-i TRUE  
(TRUE SA/TRUE SA-i)  
(Tarikh Kuat Kuasa: 1 Julai 2024)**



**C. Pengurusan Kekayaan**

- a) Pemegang Akaun Penyimpanan TRUE diminta untuk melanggan SAMA ADA satu (1) produk dari bahagian “Pelaburan” atau “Insurans/Takaful” dan memenuhi jumlah pelaburan minimum/jumlah premium/sumbangan minimum semasa bulan kalendar untuk menikmati Kadar Bonus sepadan dengan Jadual 2 di bawah:

**Jadual 2**

Kategori	Pelaburan Minimum / Premium Minimum / Sumbangan Tahunan <sup>2</sup>	Kadar Bonus (setahun)
<b>(C) Pelaburan atau Insurans/Takaful</b>	Pelaburan: RM5,000 <b>ATAU</b> Insurans/Takaful: RM2,400	2.00% setahun
	Pelaburan: RM10,000 <b>ATAU</b> Insurans/Takaful: RM3,600	4.00% setahun

**Catatan<sup>2</sup>:** Pemegang Akaun Penyimpanan TRUE mesti memilih **mod pembayaran premium/sumbangan tahunan** semasa mendaftar untuk insurans/Takaful.

- b) Pemegang Akaun Penyimpanan TRUE dan Pemegang Akaun UA/UA Patuh Syariah atau Pemegang Polisi Insurans/ Sijil Takaful yang terpilih mestilah dari pihak yang sama dan dalam kes akaun bersama, pemegang Akaun Penyimpanan TRUE dan Pemegang Akaun Pertama UA/UA Patuh Syariah atau Insurans/Takaful Pemilik Polisi/Sijil Utama yang dipilih mestilah pihak yang sama juga.
- c) Pelaburan dalam UA/UA Patuh Syariah yang terpilih bukan merupakan kewajipan, dijamin atau diinsuranskan/ dilindungi oleh Bank dan tertakluk kepada risiko pelaburan, termasuk kemungkinan kerugian dari jumlah prinsipal yang dilaburkan. Pemegang Akaun Penyimpanan TRUE dinasihatkan untuk membaca dan memahami Prospektus/Prospektus Tambahan/Memorandum Maklumat sebelum melabur. Sila rujuk Lembaran Helaian Produk (“LHP”) di [ambank.amonline.com.my](http://ambank.amonline.com.my) kategori “Wealth” untuk ciri penuh dana yang ditawarkan.
- d) Pelaburan dalam dana yang terpilih tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.

**Melabur**

- a) Pemegang Akaun Penyimpanan TRUE dapat melabur di salah satu Unit Amanah/Unit Amanah patuh Syariah yang terpilih dengan jumlah pelaburan minimum yang dinyatakan dalam Jadual 2.
- b) Caj penjualan yang terpakai harus dibayar oleh Pemegang Akaun Penyimpanan TRUE pada Unit Amanah atau Unit Amanah patuh Syariah yang terpilih adalah yang dinyatakan dalam Jadual 3. Pada titik pelaburan di UA/UA Patuh Syariah yang terpilih, setiap tawaran dan/atau promosi lain atas caj penjualan yang diiklankan oleh Bank tidak akan berlaku ke Akaun Penyimpanan TRUE.



**Terma dan Syarat Khusus untuk  
Akaun Penyimpanan TRUE/Akaun Penyimpanan-i TRUE  
(TRUE SA/TRUE SA-i)  
(Tarikh Kuat Kuasa: 1 Julai 2024)**



**Jadual 3:**

(i) Pelaburan Sekali

UA/ UA Patuh Syariah yang Terpilih	Caj Jualan
Senarai dana UA/UA Patuh Syariah boleh didapati di <a href="https://www.ambank.com.my/eng/Wealth-Digest">https://www.ambank.com.my/eng/Wealth-Digest</a> atau sila rujuk dan bercakap dengan Kakitangan Jualan kami yang sah.	2%

(ii) Pelan Simpanan Biasa

UA/ UA Patuh Syariah yang Terpilih	Caj Jualan
Senarai dana UA/UA Patuh Syariah boleh didapati di <a href="https://www.ambank.com.my/eng/Wealth-Digest">https://www.ambank.com.my/eng/Wealth-Digest</a> atau sila rujuk dan bercakap dengan Kakitangan Jualan kami yang sah.	2%

- c) Untuk Unit Amanah/Unit Amanah Patuh Syariah yang terpilih, Pemegang Akaun Penyimpanan TRUE diberikan tempoh bertenang selama enam (6) hari bekerja dari tarikh penerimaan permohonan pelaburan oleh Bank. Sekiranya Pemegang Akaun Penyimpanan TRUE memilih untuk menamatkan pelaburan dalam tetapan tempoh bertenang, Pemegang Akaun Penyimpanan TRUE tidak akan berhak mendapat Kadar Bonus di bawah Kategori (C).
- d) Kategori ini tidak berkaitan dengan dana atau wang yang dikeluarkan dari skim pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

**Insurans/Takaful**

- a) Pemegang Akaun Penyimpanan TRUE boleh membeli salah satu Polisi Insurans/ Sijil Takaful yang terpilih dengan minimum premium / sumbangan yang dinyatakan dalam **Jadual 2**.

Polisi Insurans/Sijil Takaful yang terpilih	Log masuk ke Laman Web Rasmi Bank untuk product maklumat
<b>Protect Secure<sup>3</sup></b>	<a href="https://www.ammetlife.com/content/dam/metlifecom/my/homepage/family/brochure/ProtectSecure-Brochure-1122.pdf">https://www.ammetlife.com/content/dam/metlifecom/my/homepage/family/brochure/ProtectSecure-Brochure-1122.pdf</a>
<b>FlexiSecure-i Link<sup>3</sup></b>	<a href="https://www.ammetlifetakaful.com/getattachment/6d935478-ef42-4259-9603-2ede87a774a0/DocumentName.aspx">https://www.ammetlifetakaful.com/getattachment/6d935478-ef42-4259-9603-2ede87a774a0/DocumentName.aspx</a>
<b>Protect Secure Prime</b>	<a href="https://www.ammetlife.com/content/dam/metlifecom/my/homepage/family/brochure/ProtectSecure-Prime-Brochure-1122.pdf">https://www.ammetlife.com/content/dam/metlifecom/my/homepage/family/brochure/ProtectSecure-Prime-Brochure-1122.pdf</a>
<b>ProtectSecure-i Murni</b>	<a href="https://www.ammetlifetakaful.com/getattachment/71028578-3207-4d93-8599-d6ca9d5be8d7/DocumentName.aspx">https://www.ammetlifetakaful.com/getattachment/71028578-3207-4d93-8599-d6ca9d5be8d7/DocumentName.aspx</a>
<b>HealthCare Choice (HCC)</b>	<a href="https://www.ammetlife.com/content/dam/metlifecom/my/homepage/banca-hcc-hccboostup/HealthCare-Choice-HCC-BoostUp-Brochure-1122.pdf">https://www.ammetlife.com/content/dam/metlifecom/my/homepage/banca-hcc-hccboostup/HealthCare-Choice-HCC-BoostUp-Brochure-1122.pdf</a>
<b>LegacySecure-i (LSI)</b>	<a href="https://www.ammetlifetakaful.com/getattachment/6360c568-1a70-4317-bf60-2c1e2b981507/DocumentName.aspx">https://www.ammetlifetakaful.com/getattachment/6360c568-1a70-4317-bf60-2c1e2b981507/DocumentName.aspx</a>

**Catatan<sup>3</sup>:** Peruntukan premium/sumbangan untuk bahagian insurans/takaful mestilah 60% daripada jumlah premium/sumbangan.



**Terma dan Syarat Khusus untuk  
Akaun Penyimpanan TRUE/Akaun Penyimpanan-i TRUE  
(TRUE SA/TRUE SA-i)  
(Tarikh Kuat Kuasa: 1 Julai 2024)**



- b) Bagi pendaftaran atas sebarang Polisi Insurans/ Sijil Takaful yang terpilih, Pemegang Akaun Penyimpanan TRUE diberi tempoh bertenang selama lima belas (15) hari kalendar dari tarikh penerimaan Polisi oleh syarikat insurans/Pengendali Takaful. Sekiranya Pemegang Akaun Penyimpanan TRUE memilih untuk menamatkan polisi dalam tempoh bertenang, Pemegang Akaun Penyimpanan TRUE tidak berhak menerima Kadar Bonus untuk Kategori C.

### 3.6 Pengiraan Baki Purata Bulanan (BPB)

$$\frac{\text{Jumlah Baki Akhir Harian dalam sebulan}}{\text{Bilangan Hari sejak bulan tertentu}} = \text{BPB}$$

**Contoh:**

$$\frac{\text{RM3,000 (1 Okt) + RM3,000 (2 Okt) + ..... + RM3,000 (31 Okt)}}{31 \text{ hari}} = \text{RM3,000}$$

### Pengiraan Kadar Bonus

$$\frac{\text{BPB x Jumlah Kadar Bonus x Bilangan Hari sejak bulan tertentu}}{365 \text{ hari}} = \text{Kadar Bonus}$$

### Ilustrasi

	Senario	Kelayakan	Jumlah Kadar Bonus yang diperoleh (setahun)	Kadar Bonus yang diperoleh (RM)
A	Deposit RM3,000 dalam satu (1) transaksi	Ya	1.30% setahun	<b><u>Oktober BPB: RM10,000</u></b>  (RM10,000 x 1.30% x 31 hari) / 365 hari = <b><u>RM11.04</u></b>
	Melakukan 2 bil bayaran dengan perbelanjaan kumulatif RM300 untuk bulan Oktober. (i.e 2 bil pembayaran melalui AmOnline/ Kad Debit AmBank/ Kad Kredit AmBank / Kad Kredit-i AmBank Islamic)	Tidak		
B	Deposit RM3,000 dalam satu (1) transaksi	Ya	6.10% setahun	<b><u>September BPB: RM40,000</u></b>  <u>Kategori A + B</u>



**Terma dan Syarat Khusus untuk  
Akaun Penyimpanan TRUE/Akaun Penyimpanan-i TRUE  
(TRUE SA/TRUE SA-i)  
(Tarikh Kuat Kuasa: 1 Julai 2024)**



	Melakukan RM200 bayaran pinjaman/pembiayaan rumah daripada TRUE SA/TRUE SA-i pada bulan September	Ya		(RM40,000 x 2.10% x 30 hari) / 365 hari = <b>RM69.04</b>
	Membeli salah satu Polisi Insurans/Sijil Takaful yang terpilih dengan nilai minimum tahunan premium/sumbangan RM3,600.	Ya		<u>Kategori C</u> (RM30,000 x 4.00% x 30 hari) / 365 hari = <b>RM98.63</b>  <u>Jumlah Kadar Bonus yang diterima</u> RM69.04 + RM98.63 = <b>RM167.67</b>
C	Deposit RM1,000 dalam satu (1) transaksi	Tidak	NIL	NIL
	Melakukan 3 transaksi dengan perbelanjaan jumlah kumulatif RM500 (i.e e-Tunai tambah nilai melalui AmOnline dan 2 bil pembayaran melalui AmBank Kad Kredit/ AmBank Islamic Kad Kredit-i)	Tidak		
	Melabur UA/UA Patuh Syariah yang terpilih dengan minimum RM10,000 pelaburan dalam dana terpilih.	Tidak		
D	Deposit RM3,000 dalam satu (1) transaksi	Ya	3.30% setahun	<b>November BPB: RM10,000</b>
	Melakukan 1 transaksi dengan jumlah kumulatif RM1,000 untuk bulan Nov (i.e 1 bil pembayaran melalui AmBank Kad Kredit/ AmBank Islamic Kad Kredit-i)	Tidak		<u>Kategori A</u> (RM10,000 x 1.30% x 30 hari) / 365 hari = <b>RM10.68</b>  <u>Kategori C</u> (RM10,000 x 2.00% x 30 hari) / 365 hari = <b>RM16.44</b>
	Membeli salah satu Polisi Insurans/Sijil Takaful yang terpilih dengan nilai minimum premium/sumbangan tahunan RM2,400.	Ya		<u>Jumlah Kadar Bonus yang diterima</u> RM10.68+ RM16.44 = <b>RM27.12</b>

#### 4 Umum

- 4.1 Pemegang Akaun Penyimpanan TRUE dinasihati untuk membaca dan memahami terma dan syarat di bawah hendaklah juga mentadbir produk di sini, dan berada di [ambank.com.my/TnC](http://ambank.com.my/TnC):
- Terma dan Syarat Umum Bagi Akaun dan Perkhidmatan, dan
  - Terma dan Syarat Khusus Bagi Akaun Semasa-i/Akaun Simpanan-i Berasaskan Komoditi Murabahah (terpakai bagi Akaun Semasa-i/Akaun Simpanan-i AmBank Islamic sahaja).
  - Terma dan Syarat perjanjian Kad Kredit/Kad Kredit-i Bank yang relevan (termasuk Perjanjian MasterCard/Visa Bank) secara kolektif disebut sebagai ("Perjanjian Pemegang Kad").
- Pemegang Akaun Penyimpanan TRUE dikehendaki untuk log masuk ke laman web rasmi Bank melalui [ambank.com.my/TnC](http://ambank.com.my/TnC) untuk sebarang kemaskini atau terma dan syarat terkini, jika ada.
- 4.2 Pemegang Akaun Penyimpanan TRUE diminta untuk melaksanakan semua dokumen standard yang relevan dan mematuhi semua syarat dan ketentuan sehubungan dengan pelaburan mereka dalam produk yang relevan, yang sebagai tambahan dan terpisah dari terma dan syarat ini.



**Terma dan Syarat Khusus untuk  
Akaun Penyimpanan TRUE/Akaun Penyimpanan-i TRUE  
(TRUE SA/TRUE SA-i)  
(Tarikh Kuat Kuasa: 1 Julai 2024)**



- 4.3 Bank mempunyai hak untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah ke atas mana-mana terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini, secara keseluruhan atau mana-mana bahagian dari semasa ke semasa dengan notis awal 21 hari kalendar.
- 4.4 Bank tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami seperti kehilangan pendapatan atau keuntungan, atau kerugian/kerosakan secara tidak langsung, ganti rugi kecil, kerosakan berbangkit, ganti rugi teladan, ganti rugi punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga, yang timbul daripada atau berkaitan dengan product ini, kecuali jika kehilangan atau kerosakan sedemikian disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau, keingkaran sengaja, atau fraud oleh Bank.
- 4.5 Sejauh yang diizinkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab kepada Pemegang Akaun Penyimpanan TRUE apabila berlaku peristiwa Force Majeure. "Force Majeure" merujuk kepada kejadian dan/atau keadaan yang tidak berada dalam kendali Bank yang wajar, yang tidak dapat dicegah, dihindari atau dihapuskan oleh Bank termasuklah bencana alam seperti banjir, taufan, ribut, badai, letusan gunung berapi, gempa bumi, tanah runtuh, penenggelaman atau tanah atau bumi atau tindakan pergolakan awam seperti mogok, penguncian, gangguan industri, rusuhan, peperangan yang masing-masing berada di luar kawalan mana-mana pihak atau kejadian, keadaan, atau keadaan yang serupa dengan yang mungkin diklasifikasikan sebagai Force Majeure oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 4.6 Terma dan syarat ini boleh didapati dalam versi Bahasa Inggeris.
- 4.7 Semua pertikaian berkenaan pentafsiran, keesahan, penguatkuasaan dan intepretasi terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini akan ditadbir, ditafsirkan dan dikuatkuasa menurut undang-undang Malaysia. Pelanggan yang layak dengan ini bersetuju untuk tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia berhubung apa-apa guaman, tindakan atau prosiding lain yang timbul daripada atau berdasarkan terma dan syarat di dalam.

